

## **KEMPEN PULANGAN TUNAI JOMPAY DENGAN HLB CONNECT**

Last Updated on 1 November 2021

### **TEMPOH KEMPEN**

“**Kempen Pulangan Tunai JomPAY dengan HLB Connect**” (“**Kempen**”) Hong Leong Bank Berhad (193401000023 (97141-X)) (“**HLB**”) dan Hong Leong Islamic Bank Berhad’s (200501009144 (686191-W)) (“**HLISB**”) (“selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai “**Bank**”) bermula pada 1 November 2021 dan berakhir pada 31 Disember 2021, termasuk kedua-dua tarikh (“**Tempoh Kempen**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

### **TERMA & SYARAT**

Berikut ialah terma dan syarat yang terpakai untuk Kempen ini (“**T&S**”):

### **KELAYAKAN**

1. Kempen ini terbuka untuk para pelanggan Bank (“**Pelanggan**”) yang:
  - (i) pengguna Perbankan Dalam Talian HLB Connect atau Aplikasi Connect (“**HLB Connect**”) dengan Akaun Semasa atau Simpanan HLB/Akaun-i Semasa atau Simpanan (“**CASA/CASA-i**”) sebelum Tempoh Kempen; dan
  - (ii) pemegang CASA/CASA-i yang sedia ada dan belum mendaftar dengan HLB Connect sebelum Tempoh Kempen.
2. Bank berhak untuk membatalkan mana-mana Pelanggan:
  - (i) yang telah melakukan, atau kini disyaki melakukan tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh Bank;
  - (ii) yang menghadapi prosiding muflis atau telah diisytiharkan muflis sama ada sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
  - (iii) yang telah melanggar mana-mana terma dan syarat CASA/CASA-i pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Kempen.
3. Pelanggan yang memenuhi syarat kelayakan di atas boleh menyertai Kempen ini.

### **TATACARA KEMPEN**

4. Untuk menyertai Kempen ini, Pelanggan perlu semasa Tempoh Kempen:
  - (i) mendaftar dan/atau log masuk ke HLB Connect; dan
  - (ii) buat pembayaran bil minimum sebanyak Tiga Puluh Ringgit Malaysia (RM30) dan ke atas dengan JomPAY melalui HLB Connect. .

(selepas ini dirujuk sebagai “**Pelanggan yang Layak**”)

5. Pelanggan yang Layak yang memenuhi syarat yang ditetapkan pada Klausa 4 di atas akan layak memenangi Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) (“**Pulangan Tunai**”) berdasarkan kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan di bawah.
6. Setiap Pelanggan yang Layak boleh menerima sehingga maksimum tiga (3) Pulangan Tunai setiap bulan dan sebanyak enam (6) Pulangan Tunai sahaja dalam Tempoh Kempen.
7. Bagi Pelanggan yang Layak yang telah mendaftar dan melakukan log masuk HLB Connect kali pertama (sebagai pengguna Connect yang baharu) dalam Tempoh

Kempen dan memenuhi kaedah pemilihan pemenang seperti di bawah, mereka layak untuk memenangi tambahan sebanyak Sepuluh Ringgit Malaysia (RM10) ("**Pulangan Tunai Tambahan**") selain Pulangan Tunai.

8. Setiap Pelanggan yang Layak hanya boleh memenangi satu (1) Pulangan Tunai Tambahan sepanjang Tempoh Kempen.
9. Jumlah peruntukan Pulangan Tunai bagi Kempen ini terhad kepada Seratus Lima Puluh Ribu dan Sepuluh Ringgit Malaysia (**RM150,010**).
10. Peruntukan Pulangan Tunai ini akan dibahagikan menjadi Tujuh Puluh Lima Ribu dan Lima Ringgit Malaysia (**RM75,005**) sebulan.
11. Pulangan Tunai akan diberikan mengikut siapa cepat dia dapat kepada Pelanggan yang Layak ("**Pemenang Pulangan Tunai**") mengikut kaedah pemilihan pemenang yang dinyatakan di bawah.
12. Pulangan Tunai tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar dengan kredit, cek atau manfaat yang sama nilai.

### **PEMILIHAN PEMENANG**

13. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Pemenang Pulangan Tunai, Bank akan memperuntukkan nombor siri kepada setiap Pelanggan yang Layak mengikut siapa cepat dia dapat bermula daripada nombor siri "1" sepanjang Tempoh Kempen.
14. Setiap Pelanggan yang Layak ke-200 akan dipilih untuk memenangi Pulangan Tunai. Pelanggan yang Layak dengan nombor siri berikut akan dipilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai: **Ke-200, ke-400, ke-600, ke-800 dan seterusnya.**

### **PELAKSANAAN PULANGAN TUNAI**

15. Pemenang Pulangan Tunai akan dimaklumkan melalui SMS atau pemberitahuan tolak dalam Aplikasi HLB Connect atau e-mel sekiranya mereka telah dipilih sebagai Pemenang Pulangan Tunai. Senarai Pemenang Pulangan Tunai akan diterbitkan dalam [www.hlb.com.my/JomPAY](http://www.hlb.com.my/JomPAY) ("**Laman Web Kempen**") pada 31 Januari 2022.
16. Pulangan Tunai (termasuk Pulangan Tunai Tambahan) akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Pemenang Pulangan Tunai dengan Bank sebelum 28 Februari 2022.
17. Oleh yang demikian, Pemenang Pulangan Tunai perlu mengekalkan CASA/CASA-i yang sah dan aktif sehingga 28 Februari 2022. Sekiranya mereka gagal, Pulangan Tunai akan dibatalkan.
18. Menjadi kewajipan Pemenang Pulangan Tunai untuk menghubungi Bank sebelum 15 Mac 2022 jika Pulangan Tunai tidak diterima. Selepas tarikh ini, Pemenang Pulangan Tunai dianggap telah menerima Pulangan Tunai dan sebarang tuntutan pembayaran balik tidak akan diproses.

### **AM**

15. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan bersetuju:

- (i) bahawa mereka telah membaca, memahami dan menerima T&S dan bersetuju untuk terikat dengan T&S yang terkandung;
- (ii) bahawa mereka telah membaca, memahami, menerima Notis Privasi Bank dan bersetuju untuk terikat dengan notis ini. Kedua-dua notis ini disediakan di laman web Bank ([www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) / [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my));
- (iii) bahawa semua rekod tentang pengisian syarat yang dirakamkan oleh sistem Bank dalam Tempoh Kempen dan pemilihan Pemenang Pulangan Tunai adalah tepat dan muktamad;
- (iv) bahawa keputusan Bank tentang semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad, tidak boleh dipertikaikan dan terikat bagi semua Pelanggan;
- (v) untuk memberi kebenaran kepada Bank untuk mendedahkan nombor mudah alih dan/atau alamat e-mel mereka kepada vendor yang dilantik oleh Bank untuk menyediakan perkhidmatan SMS dan/atau e-mel bagi Kempen ini;
- (vi) bertanggungjawab menyediakan butiran hubungan mereka yang sah dan terkini kepada Bank termasuk nombor mudah alih dan alamat e-mel, dan segera memaklumkan Bank sekiranya berlaku perubahan;
- (vii) mengakses Laman Web Kempen pada selang masa yang kerap untuk melihat T&S Kempen ini dan untuk memastikan mereka mengetahui sebarang perubahan atau perbezaan terkini mengenai T&S tersebut; dan
- (viii) bertanggungjawab dan secara peribadi menanggung semua cukai, yuran kerajaan atau sebarang bayaran lain yang berkaitan yang dikenakan terhadap mereka oleh undang-undang yang terpakai, sekiranya ada, berhubung dengan penyertaan mereka dalam Kempen ini.

16. Bank berhak:

- (i) dengan memberikan notis awal kepada Pelanggan untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah T&S yang terkandung di sini, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, atau menamatkan Kempen dengan memaklumkan menerusi Laman Web Kempen; dan
- (ii) untuk membatalkan Pulangan Tunai sekiranya Pelanggan tidak mematuhi T&S yang terkandung, Terma dan Syarat penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat Am Akaun dan semua undang-undang/peraturan lain yang terpakai.

17. Sebagai tambahan kepada T&S yang dinyatakan di atas, Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun hendaklah dibaca bersama-sama dengan T&S ini sebagai keseluruhan perjanjian. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S yang terkandung, Terma dan Syarat bagi penggunaan HLB Connect dan Terma dan Syarat Am Akaun, T&S tertentu yang terkandung di sini akan diutamakan bagi meliputi percanggahan tersebut.

18. Sekiranya terdapat percanggahan antara T&S ini dengan mana-mana iklan, promosi, publisiti dan bahan lain berhubung atau berkait dengan Kempen ini, T&S terakhir pada Laman Web Kempen akan digunakan.

19. T&S ini akan ditadbirkan dan dianggap mematuhi undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk menghormati bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

20. Kata-kata yang menandakan satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan kata-kata yang menandakan yang tunggal merangkumi jamak dan begitu juga sebaliknya.

21. Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang T&S ini, sila e-mel kepada kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my) atau hubungi 03-76268899.